

Headline	<b>Jobmarket bantu penempatan pelajar UPM</b>		
Date	<b>05. Jun 2008</b>	Language	<b>MALAY</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Page No	<b>27</b>
Section	<b>Dalam Negeri</b>	Article Size	<b>103 cm<sup>2</sup></b>
Circulation	<b>238082</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Readership	<b>833287</b>	Color	<b>Full Color</b>



## Jobmarket bantu penempatan pelajar UPM

**KUALA LUMPUR** Bagi memudahkan penempatan pelajar mengikuti latihan industri, Universiti Putra Malaysia (UPM) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Jobmarket Malaysia Sdn. Bhd. (Jobmarket), semalam.

Naib Canselor UPM, Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, MoU itu akan membantu pelajar-pelajar UPM mendapat tempat yang sesuai untuk menjalani latihan amali.

"Program tersebut akan menempatkan pelajar-pelajar dalam pelbagai syarikat dan industri bagi membolehkan mereka memperoleh pengalaman bekerja dalam bidang kursus masing-masing," katanya.

Beliau mewakili UPM dalam majlis itu manakala Jobmarket diwakili oleh Prof. Datuk Abu Bakar Abdul Hamid.

Nik Mustapha berkata, hubungan usahasama yang dimeterai itu juga membolehkan pihak fakulti memantau keberkesanannya latihan industri yang dijalankan.

"Bagi graduan pula, mereka boleh menggunakan perkhidmatan Jobmarket melalui bengkel pembinaan karier dan bengkel berkaitan sebagai persediaan untuk mendapatkan peluang kerjaan," katanya.

Sementara itu, Abu Bakar berkata, melalui program itu, pelajar bukan sahaja dapat mengenal pasti potensi dan kelemahan mereka serta cara mengatasinya masalah tetapi juga dapat membuat persediaan sebelum bekerja.

"Selain itu, para pelajar juga dapat mengenal pasti majikan yang berpotensi untuk mereka," katanya.

Beliau berkata, pelajar hanya perlu membayar sebanyak RM12 untuk pendaftaran keahlian sepanjang hayat yang turut membolehkan mereka menggunakan laman web Jobmarket tanpa had.

"Pada masa hadapan, kedua-dua pihak akan membincangkan tentang program pertukaran akademik antarabangsa dengan tujuan mendidik pelajar-pelajar, ahli-ahli fakulti dan pentadbir serta kerjasama penyelidikan," ujarnya.